

Perkemas akta elak bekas suami tak bayar nafkah

Bangi: Kerajaan perlu mengemas-kini akta dan undang-undang syariah sedia ada, dengan memberi penekanan terhadap cadangan membekukan akaun bank bekas

suami culas membayar nafkah bekas isteri dan anak, supaya pelaksanaannya dilakukan secara bersistematik.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata sekiranya undang-undang

diperkenalkan jelas memudahkan syarikat perbankan dan majikan menguatkuasakannya, sekali gus suami culas wajib mematuhi.

Katanya, akta itu perlu diwujudkan terlebih dahulu, sebelum membekukan akaun bank bekas suami culas.

Ambil serius perintah mahkamah syariah

"Kita mahu perintah mahkamah syariah diambil lebih serius.

"Kita yakin bekas suami dan majikan akan mengabaikan perintah dikeluarkan mahkamah syariah untuk membuat potongan gaji, kerana tiada undang-undang diperkenalkan berkaitannya.

"Penguatkuasaan undang-undang yang tegas cara terbaik mengajar bekas suami culas dan me-



Keratan akhbar BH
8 November lalu.

reka tidak ada alasan lagi melarikan diri bagi mengelak sekatan akaun bank.

"Selagi tiada perubahan dalam akta dan undang-undang, maka tidak ada obligasi daripada bank dan banyak pihak akan menghadapi masalah," katanya ketika ditemui pada Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah: Ketahui Hak Anda di Bandar Baru Bangi, di sini.

Rabu lalu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mujahid Yusof, berkata tindakan lebih tegas sedang dipertimbangkan termasuk cadangan mengenakan sekatan bank terhadap bekas suami yang 'culas' memberi nafkah.

Siti Mariah berkata, membayar nafkah kepada bekas isteri dan anak adalah wajib dan berdosa jika

arahan itu diingkari.

"Pada peringkat perundangan, kita juga dianggap zalim kerana tidak mewujudkan mekanisma tertentu bagi memudahkan cara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), Noor Huda Roslan berkata, sekiranya tiada mekanisma ditetapkan dalam institusi perundangan, masalah pemberian nafkah akan terus berlarutan dan tiada penghujungnya.

"Tidak akan ada jalan penyelesaian sekiranya tiada ketetapan akta dan undang-undang.

"Malah isu paling banyak diterima adalah berkaitan penguatkuasaan berkaitan pematuhan pembayaran nafkah," katanya.

Isnin, 12 November 2018 **BH**